

LAPORAN AUDIT DALAM 5S/QE BIL.1/2021
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)

1. PENGENALAN

Amalan 5S ialah satu pendekatan bersistematik amalan penjagaan kebersihan tempat kerja dengan menyusun, membersihkan, membangunkan dan mengekalkan persekitaran kerja yang produktif. Ia juga adalah program menyeluruh KAIZEN melibatkan semua orang dalam organisasi dan ianya sebagai pendekatan berkesan memotivasikan pekerja, meningkatkan produktiviti dan persekitaran tempat kerja

Audit Dalaman 5S/QE dilaksanakan sebagai satu langkah untuk membudayakan amalan 5S di Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC). Audit 5S/QE UUM ini sangat membantu UTLC untuk terus mantap serta menambahbaik amalan 5S yang dilaksanakan di UTLC

2. OBJEKTIF

Objektif Audit Dalaman 5S/QE di UTLC adalah:

- 2.1 untuk menyemak dan mengenalpasti sebarang ketidakpatuhan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan memberi cadangan penambahbaikan yang sesuai;
- 2.2 untuk membuat semakan kembali terhadap pemerhatian (penemuan audit) dan juga penambahbaikan daripada sesi audit yang dijalankan sebelum ini.

3. JURU AUDIT

Juru audit ialah Puan Fadhlina Md Pudzi dan Puan Raihanah Hasaniah Abdullah

4. PELAKSANAAN AUDIT

4.1 Aktiviti audit telah dilaksanakan pada 9 September 2021.

4.2 Audit Dalam 5S/QE ini melibatkan aspek berikut:

Bil.	Aspek Penilaian	PIC
1.	Keperluan Utama Pelaksanaan	Puan Suhaida Abdullah
2.	Ruang Pejabat	Puan Nur Assila Abdul Latif
3.	Perkhidmatan Kaunter	Puan Suhaida Abdullah
4.	Tempat Simpanan (Stor Alat Tulis)	Puan Suhaida Abdullah
5.	Tempat Umum	Puan Shahrini Abdul Jabar Puan Norhidayah Mohd Kaharuddin En. Nur Aliyin Yahaya
6.	Kawasan Persekitaran	En. Efendy Nayan

5. KEPUTUSAN

5.1 Laporan audit seperti di Lampiran 1.

5.2 Markah keseluruhan bagi hasil audit dalaman 5S/QE UTLC ialah **74.15%** iaitu mencapai taraf 3 Bintang. Perincian markah mengikut aspek penilaian seperti berikut:

Bil.	Aspek	Markah	
		Penuh	Diperolehi
1.	Keperluan Utama Perlaksanaan	46	25
2.	Ruang Pejabat	44	29
3.	Perkhidmatan Kaunter	30	27
4.	Tempat Simpanan	16	14
5.	Tempat Umum	58	42
6.	Kawasan Persekitaran	42	38
Jumlah Markah		236	175
Peratusan		100	74.15%

5.3 Berikut ialah komen/penambahbaikan yang dicadangkan untuk dilaksanakan:

- i. Setiap perancangan dan aktiviti 5s perlu direkod dan sentiasa dikemaskini untuk memudahkan rujukan.
- ii. Ruang kerja staf tidak kemas dan kurang bersih. Malahan terdapat peralatan/item yang tidak sepatutnya (cth. Terdapat piring, sudu, mug di atas meja kerja/rak fail). Alat tulis dan dokumen juga tidak tersusun.
- iii. Terdapat wayar yang berselerak – boleh menjejaskan keselamatan staf. Oleh itu, perlu difikirkan kaedah bersesuaian bagi memastikan keadaan ini lebih selamat dan kemas.
- iv. Poster bagi hebahan/peringatan untuk amalan normal baharu perlu lebih jelas, terkini dan menyeluruh di setiap lokasi yang berkenaan.
- v. Dicapangkan supaya disediakan tempat khas berlabel untuk simpanan stok sanitizer dan sabun pencuci tangan supaya memudahkan mana-mana staf untuk *top-up* keperluan tersebut di lokasi tertentu apabila perlu.

6. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kesungguhan serta komitmen Pengurusan dan warga kerja di UTLC dalam menjayakan dan menyuburkan amalan 5S ini amat membanggakan.

Walaupun bagaimanapun, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan dan tindakan perlu diambil berdasarkan kepada laporan audit yang telah disediakan. Semoga warga UTLC akan meningkatkan prestasi ini bagi menjayakan Audit 5S/QE Peringkat UUM yang akan dinilai pada tahun 2021.

DISEDIAKAN OLEH: JAWATANKUASA AUDIT 5S/QE UTLC

TARIKH: 10 SEPTEMBER 2021